

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN HARI KESIHATAN IBU DAN ANAK ANJURAN W.I. KEDAH
Lokasi : TINGKAT 2, BANGUNAN PKNK, JLN SULTAN BADLISHAH, ALOR SETAR
Tarikh : 08-07-1988

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, dapat kita bersama di pagi yang bahagia ini sempena Hari Kesihatan Ibu dan Anak, anjuran Perkumpulan Perempuan Kedah. Bagi diri saya, saya berasa amat gembira dapat kembali ke tempat yang penuh bermakna dan bererti kepada saya ini kerana di sinilah telah bermula perkhidmatan saya dalam bidang perubatan dan kesihatan selama 18 tahun. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya merasmikan upacara ini. Saya juga mengucapkan syabas di atas pemilihan topik yang sungguh menarik lagi penting bagi kita semua.

Puan-puan sekalian,

2. Ibu dan anak adalah golongan yang dikatakan 'vulnerable' dan mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam keadaan alam sekitaran yang boleh mengakibatkan penyakit atau taraf kesihatan yang kurang sempurna. Oleh kerana sifat semulajadi ini, maka ibu dan anak merupakan golongan prioriti dalam masyarakat yang perlu diutamakan dan diberi jagaan khas.

3. Satu lagi perkara yang perlu diingati ialah bahawa kesihatan ibu dan anak berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan. Keadaan kesihatan ibu adalah faktor asas atau paling ketara dalam pembentukan, pembangunan dan pembesaran kesihatan anak-anak dalam semua peringkat bermula sebelum anak itu di dalam kandungan lagi. Dengan itu, sebagai ibu, kita perlulah mengawasi dan menjaga keadaan kesihatan kita sendiri untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan bukan sahaja anak-anak kita, malahan keseluruhan keluarga kita.

Puan-puan sekalian,

4. Tema Hari Kesihatan Sedunia tahun ini ialah 'Kesihatan Untuk Semua - Semua Untuk Kesihatan'. Tema yang telah dipilih oleh majlis ini adalah sangat tepat kerana untuk mencapai matlamat 'Kesihatan Untuk Semua', tumpuan diberikan oleh Badan Kesihatan Sedunia bagi semua negara meningkatkan taraf kesihatan ibu dan anak sebagai golongan keutamaan. Matlamat ini hanya dapat dicapai sekiranya kita mengamalkan prinsip-prinsip jagaan kesihatan primer atau primary health care. Kita juga mesti yakin bahawa taraf kesihatan ibu dan anak kita perlu dan boleh diperbaiki.

5. Di Malaysia, kita sungguh bertuah kerana Kerajaan telah menyediakan kemudahan infrastruktur kesihatan yang lengkap dan luas pengliputannya di bandar mahupun di luar bandar. Di Semenanjung Malaysia khususnya, lebih dari 95% penduduk dapat menikmati jagaan kesihatan primer melalui kemudahan dan perkhidmatan kesihatan.

6. Di Kedah, terdapat sebuah hospital besar di Alor Setar, 5 buah hospital daerah, 18 pusat kesihatan besar, 24 pusat kesihatan kecil, 194 klinik bidan dan klinik desa dan 5 pasukan bergerak dan dispensari statik yang menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk Kedah. Rancangan kesihatan ibu dan anak adalah perkhidmatan khusus yang dibentuk dan disusun dengan begitu rapi untuk menampung keperluan jagaan ibu terutamanya ibu mengandung dan anak sehingga tamat bangku sekolah. Perkhidmatan ini diatur secara komprehensif, menyeluruh dan merangkumi pelbagai aktiviti sebagai sistem jagaan terus atau 'Continuous Care' atas kesedaran bahawa sebagai penyambung zuriat, seorang ibu itu perlu menghasilkan bayi yang cukup umur dan sihat.

Puan-puan sekalian,

7. Segala kemudahan dan usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan kesihatan untuk masyarakat tidak akan memberi makna sepenuhnya jika kita tidak menggunakan perkhidmatan ini untuk memperbaiki taraf kesihatan diri dan keluarga kita. Hakikat ini membawa kepada pesanan kedua tema Hari Kesihatan Sedunia iaitu 'Semua Untuk Kesihatan'. Ini bermakna bahawa masyarakat mestilah menanam sikap dan nilai positif, mengambil berat tentang jagaan kesihatan serta menggunakan kemudahan kesihatan sepenuhnya. Penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam pelbagai program dan aktiviti kesihatan adalah faktor utama untuk meninggikan taraf kesihatan masyarakat, khususnya ibu dan anak.

8. Jika kita merenung kembali ke masa Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga sekarang, taraf kesihatan masyarakat jauh berbeza dan telah maju mencapai ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Umpamanya, jangka hayat bagi kaum lelaki telah bertambah dari 63.5 tahun pada tahun 1967 ke 67.7 tahun pada tahun 1985, dan bagi wanita dari 66.3 tahun ke 72.4 tahun pada tempoh yang sama. Kadar kematian ibu bersalin Semenanjung Malaysia telah turun dan begitu juga kematian bayi. Taraf kesihatan penduduk Kedah telah bertambah maju dan banyak perubahan telah berlaku dengan perluasan rancangan kesihatan luar bandar. Bagi negeri Kedah, kadar kematian ibu bersalin telah turun daripada 2.7 pada tahun 1966 ke 0.42 pada tahun 1986 manakala kadar kematian bayi telah turun daripada 59.2 ke 20.87 pada tempoh yang sama.

9. Namun begitu, dalam aspek ini, saya ingin menarik perhatian para hadirin sekalian bahawa kadar kematian ibu bersalin dan kematian bayi di negeri Kedah masih tinggi dari kadar kebangsaan. Pada tahun 1986, seramai 4 daripada setiap 10,000 ibu bersalin meninggal semasa atau selepas bersalin manakala 20 daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan hidup meninggal sebelum mencapai usia setahun berbanding dengan 3 kematian ibu bersalin bagi setiap 10,000 kelahiran dan 15 kematian bagi bayi setiap 1,000 kelahiran di Semenanjung Malaysia.

Puan-puan sekalian,

10. Apa yang menyedihkan dan perlu disedari ialah bahawa kebanyakan daripada kematian ini dapat dicegah atau dielakkan jika kita memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip kesihatan asas bagi jagaan ibu dan anak serta menggunakan kemudahan kesihatan yang sedia ada. Prinsip-prinsip asas ini mudah caranya dan boleh diikuti oleh semua.

11. Umpamanya, ibu mengandung perlu ke klinik mengikut jadual supaya keadaan kesihatan dapat dikawal. Beberapa Beberapa komplikasi yang membahayakan kesihatan ibu dan anak dalam kandungan seperti darah tinggi, turun darah, kencing manis dan lain-lain hanya dapat dikesan sekiranya ibu mendapatkan pemeriksaan. Saya juga ingin menyarankan kepada puan-puan untuk mengikuti nasihat dan rawatan doktor atau jururawat kerana kebanyakan ibu yang meninggal semasa bersalin adalah dalam golongan risiko tinggi. Mereka ini mempunyai faktor-faktor risiko tinggi seperti darah tinggi, kekurangan darah (anaemia), kelahiran anak terlalu ramai dan kerap, umur yang sudah lanjut dan sebagainya. Keadaan ini membawa kepada komplikasi perdarahan selepas bersalin yang menjadi sebab utama kematian ibu bersalin di negeri Kedah. Lazimnya, ibu seumpama ini tidak mengikuti nasihat untuk nasihat untuk bersalin di hospital, malahan membuat pilihan sendiri untuk bersalin di rumah tanpa bantuan bidan Kerajaan. Akhirnya apabila kecemasan berlaku di rumah, ibu tidak dapat diselamatkan. Puan-puan, sungguhpun kematian adalah takdir, tetapi kita mesti berusaha dan berikhtiar untuk mendapatkan rawatan segera.

Puan-puan sekalian,

12. Pada tahun 1987 terdapat 22 ibu meninggal sewaktu bersalin di negeri Kedah. Seperti saya katakan, sebahagian besar mungkin dapat diselamatkan jika mereka mengamalkan prinsip jagaan kesihatan asas termasuk makan makanan berzat, menjalani pemeriksaan klinik serta menerima rawatan awal dan berterusan.

13. Bagi kematian bayi pula, lebih kurang 50% kematian berlaku dalam bulan pertama usia bayi dan sebab-sebabnya banyak bersangkutan kepada keadaan kesihatan dan pemakanan ibu semasa mengandung. Ibu yang tidak sihat, pucat, berkurangan zat makanan ataupun mengidapi penyakit akan

melahirkan bayi yang tidak sihat dan kurang berat badan. Bayi seperti ini kurang daya tahan, mudah mendapat jangkitan penyakit dan akhirnya menemui maut. Bagi bayi yang berusia lebih sebulan serta kanak-kanak kecil, sebahagian besar sebab-sebab kematian dapat juga dicegah jika ibu sedar tentang cara-cara menjaga kesihatan anak mereka dan sedia pula mengikut tunjuk ajar.

14. Umpamanya, dua sebab utama kematian bayi dan kanak-kanak kecil ialah akibat cirit birit dan demam sawan. Kedua-dua ini dapat dielakkan dengan amalan yang amat mudah. Cirit birit boleh dicegah dengan mengamalkan kebersihan diri dan kebersihan makanan termasuk cara menyusu dan memberi makanan anak. Jika anak mendapat cirit birit, keadaan kehilangan air atau dehidrasi yang menyebabkan kematian boleh dicegah dengan memberi anak minum air campuran gula dan garam yang boleh didapati di pusat-pusat kesihatan. Cara yang mudah di rumah ialah memberi anak minum air kanji nasi ataupun air teh yang dicampur gula dan sedikit garam.

15. Begitu juga akibat demam sawan atau tarik yang membawa kepada kematian atau kecacatan otak dapat dielakkan sekiranya ibu bertindak segera menurunkan suhu badan secara memandikan anak atau menjaramkan anak dengan air sejuk.

Puan-puan sekalian,

16. Kesihatan anak adalah tanggungjawab utama kita sebagai ibu dan perlulah kita berusaha menyedari dan mengetahui jenis-jenis perkhidmatan yang sedia ada untuk menjaga kesihatan serta mencegah anak kita daripada penyakit-penyakit berjangkit. Di sini saya ingin mengulangi kejadian yang baru berlaku di Selangor pada awal tahun ini apabila seorang anak kecil berumur 3 1/2 tahun telah meninggal dunia akibat difteria, oleh sebab tidak dibawa ke klinik untuk imunisasi. Tragedi seperti ini tidak seharusnya berlaku lagi kerana masa kini, imunisasi untuk kesemua 6 jenis penyakit berjangkit kanak-kanak boleh diperolehi dengan percuma di kesemua klinik kesihatan di negara ini. Apa yang diperlukan ialah usaha kita sendiri untuk membawa anak ke klinik mengikut jadual. Setiap umat Islam hendaklah sentiasa berusaha menghindarkan diri daripada ditimpa sebarang penyakit termasuk menerima cara-cara pencegahan yang sesuai.

17. Dengan perlindungan imunisasi yang menyeluruh, kita bernasib baik kerana tidak lagi mengalami kes polio kanak-kanak sejak 3 tahun yang lepas dan semoga dengan kerjasama puan-puan, penyakit lumpuh polio dapat dihapuskan di negara ini.

Puan-puan sekalian,

18. Pengaruh yang amat penting yang boleh memaju atau menghindarkan taraf kesihatan kita ialah sikap kita sendiri. Keadaan sering berlaku di mana sikap-sikap negatif telah mengakibatkan mudarat kepada keadaan kesihatan diri dan keluarga. Faktor-faktor yang saya maksudkan ialah kurang menggunakan kemudahan kesihatan atas beberapa alasan; kepercayaan-kepercayaan tertentu dan kurang yakin dengan perkhidmatan yang disediakan; amalan pantang larang biasanya berkaitan dengan pemakanan; pengaruh negatif daripada ahli-ahli keluarga khususnya dalam usaha mendapatkan rawatan awal dan lain-lain.

19. Di samping itu, ramai juga yang beranggapan bahawa kesihatan tidak ada hubungan dengan tuntutan agama. Penjagaan kesihatan dan kebersihan adalah termasuk dalam langkah-langkah untuk memelihara kesucian agama dan dituntut oleh agama dengan pengertian bahawa kesihatan jasmani merupakan sebahagian daripada iman. Manakala langkah mencegah penyakit dari menimpa masyarakat Islam adalah merupakan perlindungan agama.

Puan-puan sekalian,

20. Saya harap kita dapat memikirkan perkara-perkara ini dengan fikiran yang terbuka serta bijak supaya dapat kita bersama menyesuaikan diri, membangunkan semangat dan sikap yang lebih positif dan seterusnya membina masyarakat yang lebih sihat, cergas serta progresif. Saya percaya dengan adanya perjumpaan seperti ini, kita dapat bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan supaya dapat kita memajukan

taraf kesihatan ibu dan anak kita. Negeri Kedah telahpun mencapai kemajuan kesihatan semenjak merdeka. Tidak ada sebab yang kita tidak boleh mencapai tahap yang lebih tinggi dan cemerlang. Kita semua mempunyai cita-cita tinggi ini dan ada keupayaan mencapainya. Marilah kita bersikap positif dan berusaha dengan lebih gigih demi mencapai matlamat Kesihatan Untuk Semua -- Semua Untuk Kesihatan.

21. Dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala memberi taufik dan hidayahNya untuk mencapai cita-cita murni ini, saya dengan sukacitanya membuka Hari Kesihatan Ibu dan Anak anjuran W.I. Kedah dengan rasminya.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.